

AMANAT PRESIDEN

Landasan bagi Pembangunan
Bangsa dan Negara

Jilid I

Penyelenggara

WAN MOHD. MAHYIDDIN
HAJI NIK MUSTAFFA YUSOF



Setelah setengah abad di pentas politik tanah air, UMNO hari ini terus wujud bagi mendukung hasrat dan cita-cita rakyat. Perjuangan yang telah dilaluinya melibatkan usaha-usaha menuntut kemerdekaan sehinggalah kepada pembangunan negara melalui pelbagai gagasan dan pendekatan demi kemanfaatan rakyat. Pahit getir perjuangan ini dan harapan-harapan yang terkandung dapat dilihat daripada ucapan oleh para pemimpin UMNO, khasnya Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn, dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Buku ini (Jilid I dan II) mengandungi 75 ucapan pemimpin-pemimpin yang telah disampaikan dalam Perhimpunan Agung dan perjumpaan-perjumpaan khas UMNO dalam tempoh 50 tahun. Sebagai satu kumpulan ucapan ia belum pernah diterbitkan. Justeru itu ia mempunyai nilai yang tinggi dan berguna sebagai bahan kajian dan rujukan tentang perkembangan politik dan negara di bawah pemimpin-pemimpin yang berkenaan. Melalui buku *Amanat Presiden: Landasan bagi Pembinaan Bangsa dan Negara* ini kita akan beroleh perspektif yang tepat serta dapat memahami latar belakang yang telah mewarnai banyak peristiwa di negara ini.





Penerbit Fajar Bakti
Sdn. Bhd.



Oxford University
Press

4 Jalan U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40000 Shah Alam
Peti Surat 7461, Pejabat Pos Besar
40670 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: 03-7047011 Fax: 03-7047024

YAB DATO' SERI DR MAHATHIR MOHAMED
PRESIDEN UMNO

Dengan Tulus Ikhlas

AMANAT PRESIDEN

Landasan bagi Pembinaan
Bangsa dan Negara

Jilid I

Landasan bagi Pembinaan
Bangsa dan Negara

Jilid I

Pendukung

WAN MOHD MAHYIDDIN
HAJI NIK MUSTAFFA YUSOF



PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.

8000473

SEREMBAN

1997



AMANAT PRESIDEN

Landasan bagi Pembinaan
Bangsa dan Negara

Jilid I

Penyelenggara

WAN MOHD. MAHYIDDIN
HAJI NIK MUSTAFFA YUSOF



PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.

(008974-T)

SHAH ALAM

1997



Setelah
air, UM
mendul
Perjuan
usaha-u
sehingg
melalui
demi k
perjuar
terkanc
oleh pa
Onn Ja
Razak.
Mahatl
Buk
ucapan
disam
dan pe
dalam
kumpu
diterbi
yang t
dan ne
yang t
Presid
dan N
yang t
belak
perist

*Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (008974-T)
4 Jalan Pemaju U1/15, Seksyen U1
Hicom-Glenmarie Industrial Park
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan*

*© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (008974-T) 1997
ISBN 967 65 5547 9 (Jilid I)*


*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian
dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi,
ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau
dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik,
mekanik, penggambaran semula, perakaman dan
sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada
Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (008974-T)*

*Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Amanat Presiden: Landasan bagi pembinaan bangsa dan negara/
penyelenggara Wan Mohd. Mahyiddin, Haji Nik Mustaffa Yusof.
Bibliografi: ms. 539
ISBN 967-65-5547-9
1. UMNO. 2. Malaysia—Politics and government. 3. Political
leadership—Malaysia. 4. Speeches, addresses, ect. I. Wan Mohd.
Mahyiddin. II. Nik Mustaffa Yusof, Haji.
324.2595*

*Teks diset dalam Century Old Style 11 poin
Dicetak di Singapura oleh
KHL Printing Co. Pte Ltd.*

324.259
AMA





Bangunan Ibu Pejabat UMNO, Kuala Lumpur.





فرتو بهنك بشناس ملايو برسكاتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU ATAU UMNO
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

Kata-kata Aluan



UKU ini merupakan kumpulan ucapan-ucapan Yang Dipertua/Presiden UMNO sejak parti ini ditubuhkan pada tahun 1946 semasa pergerakan menentang Malayan Union, usaha-usaha mencapai kemerdekaan dan pembinaan negara. Berbagai-bagai kemelut telah dilalui dan dihadapi sehingga UMNO dapat hidup untu sebagai sebuah parti yang berjaya menerajui negara ini. Masalah-masalah dalam menyusun parti ini, tindakan-tindakan yang diambil dan dasar-dasar yang diikuti sebahagian besarnya terdapat pada ucapan-ucapan yang disampaikan oleh pemimpin-pemimpin utamanya di perhimpunan-perhimpunan parti.

Justeru itu buku *Amanat Presiden: Landasan bagi Pembinaan Bangsa dan Negara* ini sangat berguna kepada ahli-ahli parti dan lain-lain pihak yang ingin mengetahui ucapan-ucapan sebenar yang telah dilafazkan oleh pemimpin-pemimpin berkenaan mengenai berbagai-bagai perkara yang telah mempengaruhi arah pergerakan negara dalam lima dekad yang lalu. Bermula dengan Dato' Onn Jaafar melalui Tunku Abdul Rahman hingga Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kita dapat melihat bagaimana pemimpin-pemimpin ini meletakkan *stamp* mereka ke atas parti dan pemerintahan negara dengan stail masing-masing namun semuanya bertujuan untuk kebaikan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kedua-dua penyelenggara yang dengan ketekunan mereka telah berjaya mencari boleh dikatakan hampir keseluruhan ucapan-ucapan asal pemimpin-pemimpin utama ini untuk tatapan ramai. Satu ruang dalam sejarah negara telah dapat dibuka dan kita sama-sama beruntung kerananya. Akses yang istimewa kepada sumber ucapan pemimpin dibo-



lehan dengan kedudukan mereka ini sebagai petugas-petugas yang bertanggungjawab mengeluarkan Penyata Tahunan UMNO pada setiap tahun di samping menyimpan rekod dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan parti ini. Usaha mereka ini cukup dihargai memandangkan tidak terdapat begitu banyak karya dalam satu bidang yang nilainya belum difahami sepenuhnya.

Dalam mengakui ucapan-ucapan Presiden UMNO itu perlu untuk kita memahami peristiwa-peristiwa di dalam parti dan negara, ia tidak merupakan keseluruhan ucapan yang telah disampaikan oleh pemimpin-pemimpin ini. Terdapat pentas-pentas lain tempat mereka berucap yang tidak terhad kepada ahli-ahli atau perwakilan parti. Namun ucapan-ucapan ini juga telah meninggalkan pengaruhnya ke atas pemerintahan dan masyarakat, oleh itu perlu ditatapi bersama dengan ucapan-ucapan di Perhimpunan Agung UMNO untuk mendapat gambaran yang menyeluruh tentang perkembangan dalam tanah air.

Buku ini bukan semata-mata mengandungi rekod ucapan pemimpin-pemimpin tetapi adalah juga bertujuan mengingatkan kita semua tentang pahit getir perjuangan mereka itu dan harapan-harapan mereka dalam membina sebuah parti yang kukuh dan negara yang berlandaskan kebajikan ramai. Mudah-mudahan melalui pembacaan buku ini kita akan beroleh perspektif yang tepat tentang latar belakang yang telah mewarnai banyak peristiwa di negara ini dan lahir lebih waras selepasnya. Saya berharap buku ini yang meliputi satu tempoh yang penting dalam sejarah negara dapat menjadi panduan bagi mengatur langkah-langkah yang bijak pada masa hadapan berdasarkan pengalaman yang lalu.

BERSATU BERSETIA BERKHIDMAT

(Dato' Sabbaruddin Chik)

SETIAUSAHA AGUNG UMNO

Pendahuluan



YUKUR Alhamdulillah setelah usaha-usaha yang berterusan beberapa banyak ucapan Yang Dipertua/Presiden UMNO telah dapat dikumpulkan ke dalam sebuah buku untuk tatapan ahli-ahli parti dan peminat-peminat politik. Memandangkan tradisi menyimpan rekod tidak begitu meluas di kalangan masyarakat kita, adalah sukar untuk mendapatkan kesemua ucapan yang telah dilafazkan dalam majlis-majlis UMNO terutama sekali pada peringkat awal pergerakannya. Sehingga ucapan-ucapan seorang pemimpin penting seperti Dato' Onn, pengasas UMNO yang merintis jalan ke arah kemerdekaan pun tidak diperolehi sepenuhnya.

Apa yang terdapat ialah cebisan ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin melalui laporan-laporan secara tidak langsung dalam akhbar-akhbar Melayu. Dalam keadaan yang terhad ini tentulah ucapan-ucapan yang telah dikutip itu agak pendek dan jauh daripada memuaskan. Namun ia mengandungi isi-isi yang melambangkan semangat dan cita rasa pada satu tempoh yang penting dalam sejarah politik tanah air. Hingga kini dua ucapan Dato' Onn masih tidak dapat dikesan, iaitu di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Ipoh (pada Jun 1946) dan Kuala Kangsar (pada Ogos 1950). Adalah difahamkan ucapan-ucapan lengkap pemimpin ini boleh didapati di negara penjajah yang telah mengumpul dan menyimpannya untuk tujuannya sendiri.

Ucapan pemimpin-pemimpin UMNO seterusnya lebih mudah didapati dengan perkembangan media dan kesediaan untuk melaporkan ucapan-ucapan ini bagi faedah umum. Lidah rasmi parti, *Suara UMNO* dan kemudiannya *Malaya Merdeka* turut menyiarkan sebahagian besar ucapan pemimpin-pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman dalam majlis-majlis parti dan rundingan-rundingan dengan kuasa penjajah menjelang kemerdekaan. Dengan Yang Dipertua



UMNO menjadi Perdana Menteri selepas merdeka, penyiaran ucapan-ucapannya secara penuh menjadi perkara biasa. Perhimpunan-perhimpunan UMNO mendapat liputan yang luas, termasuk ucapan-ucapan dasar pemimpin utamanya. Media tidak lagi terhad kepada akhbar dan radio, kerana ucapan-ucapan ini mula disiarkan secara langsung oleh televisyen.

Selain kemudahan-kemudahan ini, Ibu Pejabat UMNO pada tahun-tahun 1960-an mula menerbitkan risalah-risalah yang mengandungi ucapan pemimpin di perhimpunan-perhimpunan parti untuk mudah dijadikan panduan oleh ahli-ahli. Penyata-penyata Tahunan UMNO juga turut memuatkan ucapan-ucapan penuh Yang Dipertua parti di perhimpunan itu, maka tidaklah menjadi sukar untuk mendapatnya. Pada dekad 1970-an dan selepasnya ucapan-ucapan Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO tersiar dalam semua jenis media selain buku-buku penyata parti. Risalah-risalah yang mengandungi ucapan-ucapan ini biasanya dicetak terlebih dahulu untuk diedarkan kepada perwakilan di perhimpunan agung sebaik sahaja Presiden telah menyampaikannya.

Sungguhpun begitu kurang sekali usaha-usaha untuk mengumpul ucapan-ucapan ini dan menerbitkannya dalam bentuk buku. Hanya pada zaman Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad memimpin UMNO telah timbul minat banyak pihak untuk menerbitkan ucapan-ucapan beliau mungkin kerana kepadatan isinya, menjadikan ia sebuah karya yang baik tanpa memerlukan banyak pengolahan oleh penyusun. Manakala ucapan-ucapan pemimpin UMNO yang sebelumnya terus terbiar, apalagi kerana nilai pasaran sesuatu yang bersifat sejarah itu agak kurang. Buku *Amanat Presiden: Landasan bagi Pembinaan Bangsa dan Negara* ini adalah bertujuan memenuhi kekosongan ini dengan memuatkan ucapan semua pemimpin utama UMNO dahulu dan sekarang.

Ucapan-ucapan yang dikumpulkan ini tidak terhad kepada yang dilafazkan oleh Yang Dipertua/Presiden UMNO dalam perhimpunan agung, tetapi juga dalam perhimpunan khas dan konvensyen yang bersifat kebangsaan dengan melibatkan perwakilan dari seluruh negara. Terutamanya jika ucapan-ucapan itu menjadi batu tanda dalam perubahan-perubahan dasar parti dan kepemimpinan pada sesuatu masa. Sebahagian besar sumber rujukan bagi ucapan-ucapan ini sudah terdapat di Bahagian Penyelidikan UMNO, memudahkan



penyusun-penyusun mengumpulnya. Terima kasih diucapkan kepada Setiausaha Agung UMNO kerana tidak keberatan membenarkan sumber ini digunakan. Terima kasih juga kepada Arkib Negara Malaysia yang telah memberi kemudahan bagi meneliti akhbar-akhbar lama, khususnya *Majlis* dalam mengesan ucapan-ucapan Dato' Onn Jaafar.

Akhir sekali, tidak lengkap kalau tidak disebut pihak-pihak yang membolehkan buku ini diterbitkan, terutama sekali Drs. Ahmad Fadzil Yassin dari Penerbit Fajar Bakti yang telah memberi banyak galakan. Tidak kurang ialah sokongan kewangan daripada Tan Sri Abdul Rashid Hussain yang telah meringankan masalah pengedaran dengan membeli beberapa banyak buku ini untuk dibahagi-bahagikan kepada pemimpin-pemimpin parti. Dari Bahagian Penyelidikan UMNO, Encik Ishak Abdul Aziz dan Encik Zulkarnain Razak telah melakukan usaha-usaha penyiapan skrip dengan penuh sabar sebelum dikemukakan kepada penerbit. Kepada semua mereka ini, pihak penyusun menyatakan penghargaan yang setinggi-tingginya. Wassalam.

Kuala Lumpur
Julai 1997

WAN MOHD. MAHYIDDIN
HAJI NIK MUSTAFFA YUSOF

Isi

<i>Kata-kata Aluan</i>	v
<i>Pendahuluan</i>	vii
• Pengenalan Amanat	1

UCAPAN-UCAPAN DATO' ONN BIN JAAFAR DARI TAHUN 1946 HINGGA 1951

• Bersatu Hati Menentang Malayan Union (1 hingga 4 Mac 1946)	69
• Memulau Pertabalan Gabenor (30 dan 31 Mac 1946)	74
• Raja Jadi Rakyat, Rakyat Jadi Raja (11 dan 12 Mei 1946)	76
• Bantulah Derma Kebangsaan Melayu (27 dan 28 Julai 1946)	78
• Bercakap Tentang Kemerdekaan Terlalu Mudah (10 hingga 12 Januari 1947)	81
• Darah Berteriak kepada Darah dan Bangsa kepada Bangsa (1 dan 2 Mac 1947)	85
• Setahun Perjalanan Pekembar (11 hingga 13 Mei 1947)	90
• Rakyat Meletakkan Raja di Atas Takhta (2 hingga 4 September 1947)	97
• Perjalanan UMNO Belum Kemas (26 dan 27 Disember 1947)	101
• Bekerja dengan Sebulat Tujuan (24 dan 25 Januari 1948)	108

• Bahaya telah Tumbuh dari dalam Bumi (23 dan 24 April 1948)	111
• Ahli-ahli Teras UMNO (28 dan 29 Mei 1949)	116
• Menerima Menjadi Rakyat Orang yang Setia (27 dan 28 Ogos 1949)	118
• Tidak Berhati Perut Kemanusiaan (24 dan 25 Januari 1950)	126
• Undang-undang Kerakyatan bagi Negeri-negeri Melayu (20 dan 21 Mei 1950)	129
• Tidak Tahan Menerima Cerca dan Tuduhan (10 dan 11 Jun 1950)	135
• Membuka Pintu UMNO (24 dan 25 Mac 1951)	139
• Tidak Lari dari Perjuangan (25 dan 26 Ogos 1951)	151

**UCAPAN-UCAPAN TUNKU ABDUL RAHMAN
DARI TAHUN 1951 HINGGA 1971**

• Jawatan yang Ditakdirkan (25 dan 26 Ogos 1951)	165
• Menghebahkah Kemerdekaan (29 dan 30 Mac 1952)	177
• Perjalanan UMNO Perlu Diperbaiki (14 dan 15 September 1952)	189
• Persidangan Antara Semua Bangsa (4 dan 5 April 1953)	201
• Berjuang Menyelamatkan Bangsa dan Negara (12 dan 13 September 1953)	214
• Penjajah Halang Pilihan Raya (18 April 1954)	225
• Hapuskan Perasaan Curiga (16 dan 17 Oktober 1954)	231
• Manifesto Perikatan (4 Jun 1955)	245



• Menubuhkan Kerajaan Sendiri (25 dan 26 Disember 1955)	252
• Persetujuan Mengenai Perlembagaan Negara (28 Mac 1957)	267
• Menentukan Nasib dan Corak Dasar Kita (29 dan 30 Jun 1957)	279
• Agenda Negara yang Merdeka (7 dan 8 Jun 1958)	293
• Tahap Kedua Perjuangan (9 Februari 1959)	320
• Diberi Betis Hendak Paha (12 Julai 1959)	341
• UMNO Bukan Parti Negeri (16 April 1960)	350
• Menentang Sebarang Penindasan (6 dan 7 Mei 1961)	367
• Rancangan Penubuhan Malaysia (4 November 1961)	394
• Usaha Mengukuhkan Parti (23 dan 24 Ogos 1962)	402
• Ancaman Terhadap Negara Baru (25 Ogos 1963)	420
• Anak yang Perlu Ditatang (6 September 1964)	437
• Awas Masalah Dalaman (15 dan 16 Mei 1965)	460
• Bekerja untuk Pembangunan Semula (30 dan 31 Julai 1966)	475
• Orang Melayu Tidak Kerugian (14 dan 15 Oktober 1967)	496
• Jujur Membina Bangsa dan Negara (14 dan 15 September 1968)	514
• Jagalah Lampu Ajaib (23 dan 24 Januari 1971)	528
<i>Bibliografi</i>	539